ISSN 2180-3684 • Bil 06/15
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

JUN 2015



Aliran Wang Tunai bagi Keluarga Besar

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Santhosh Kannan

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (مليسيا) سندريان برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Aliran Wang Tunai bagi Keluarga Besar

Memang menjadi tanggungjawab setiap ketua keluarga untuk memastikan aliran wang tunai keluarga sentiasa berada dalam keadaan lebihan atau *surplus*. Hal ini dapat dilihat sekiranya wang masuk pada setiap bulan dapat digunakan untuk membayar semua perbelanjaan keluarga dan sekiranya anda mempunyai simpanan, maka keadaan ini dikatakan anda mempunyai lebihan wang. Sebaliknya, jika wang keluar melebihi wang masuk, keadaan ini bertukar menjadi defisit.

Seringkali menjadi kelaziman apabila seseorang itu terperangkap dalam kitaran kewangan. Akhir bulan, apabila mendapat gaji, wang itu digunakan untuk perbelanjaan dan sebelum akhir bulan, gaji habis digunakan, tanpa berbaki. Jika ditanya, "Ke mana wang anda?" mungkin ramai yang tidak tahu. Sedar-sedar gaji sudah habis. Ada juga yang bertanya sendiri, "Ke mana saya belanjakan gaji saya?"

Sistem Sampul

Hajah Rohani, seorang penulis buku berkaitan pengurusan kewangan peribadi, telah berkongsikan kejayaan sepasang usahawan muda di Pontian, Johor dalam mengendalikan kewangan keluarga mereka. Si isteri menggunakan sistem sampul surat dengan meletakkan wangnya dalam sebuah dompet berbentuk fail. Saiznya lebih besar sedikit daripada dompet wanita biasa dan mempunyai poket berasingan untuk diisikan wang. Keluarga ini berjaya membuat perancangan kewangan walaupun mempunyai keluarga yang besar.

Bagi keluarga yang mempunyai ramai anak, pemantauan terhadap penggunaan wang sangat penting. Maka menggunakan sistem sampul ini boleh dijadikan sebagai contoh. Sediakan wang secukupnya bagi setiap perbelanjaan yang akan dibuat pada setiap bulan. Secara ringkas, bagi mereka yang berkeluarga besar, mereka perlu meneliti perbelanjaan seperti di bawah:-

- Rumah
- Dapur
- Anak
- Kelengkapan diri
- Pakaian
- Kenderaan
- Kesihatan
- Takaful
- Bahan bacaan
- Hiburan
- Zakat
- Hutang
- Lain-lain

Bagi perbelanjaan anak-anak, perkara berikut perlu diambil kira:

- Yuran sekolah / IPTA
- Duit poket / elaun pelajar
- Bas sekolah / minyak motokar
- Pakaian sekolah, kasut, stoking, baju dan seluar sukan dan seragam persatuan
- Tuisyen
- Peralatan sekolah / IPTA
- Sewa rumah – pelajar IPTA
- Peruntukan minyak kereta dan tol – lawatan anak berasrama
- Belian makanan untuk anak berasrama / IPTA

Kenal Pasti Perbelanjaan

Sekiranya anda berjaya merekodkan semua perbelanjaan bulanan secara terperinci, barulah penjimatan boleh dirancang apabila sudah mengenal pasti di mana wang telah dibelanjakan. Perbelanjaan dapur adalah satu ruang untuk anda berjimat.

Penulis menyatakan telah menonton satu program memasak Rachael Ray, tentang sebuah keluarga yang mempunyai lapan orang anak pergi ke pasar raya bersama-sama dengan menu mingguan dan kalkulator. Si ibu telah meminta tip untuk mempelbagai menu hariannya supaya anak tidak bosan dengan apa yang dihidangkan berdasarkan kemampuan keluarga. Ibu ini mengambil kira sehingga kepada sen terakhir, berapakah harus dibelanjakan supaya mencukupi keperluan asas keluarga.

Sumber: Cukupkah Wang Anda?, Hajah Rohani Datuk Mohd Shahir, Galeri Ilmu Sdn Bhd.





Berjimat Sebelum Terlambat

Jika tidak bijak membelanjakan wang, sudah pasti ia akan digunakan untuk membeli perkara yang tidak perlu. Seharusnya wang gaji yang diperoleh digunakan sebaik mungkin dan menyimpan sedikit untuk digunakan pada masa kecemasan.

Roslan, 40 tahun (bukan nama sebenar) adalah seorang yang tidak pernah menyimpan sebahagian gajinya. Beliau sentiasa merasa cukup dengan gaji diperoleh setiap bulan. Roslan bahagia bersama-sama isteri dan empat orang anaknya.



Roslan seorang bapa dan suami yang bertanggungjawab serta berjawatan tinggi di sebuah firma guaman. Sebagai tempat bergantung kepada keluarganya, Roslan mempunyai pendapatan yang cukup untuk menampung perbelanjaan dan kos hidup keluarganya.

Dua tahun lalu, salah seorang daripada anaknya disahkan menghidap penyakit leukemia. Penyakit tersebut memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Oleh sebab anak Roslan tidak dilindungi insurans, maka Roslan telah membayar bil-bil perubatan anaknya menggunakan kad kredit.

Di sini bermulalah kesilapan Roslan dalam menguruskan kewangan apabila menangguhkan pembayaran ansuran bulanan pinjaman rumahnya untuk membayar bil perubatan anak. Roslan menyedari akibat daripada menangguhkan pembayaran ansuran bulanan pinjaman rumah, tetapi dia tidak mempunyai pilihan.

Pada saat itu, Roslan mula memohon lebih banyak kad kredit dan pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaan tersebut. Keadaan menjadi bertambah

teruk apabila ayah mertua Roslan diserang penyakit angin ahmar dan menyebabkan dia juga terpaksa menanggung perbelanjaan ayah mertuanya yang sudah tidak bekerja.

Ini bermakna, di samping menampung keluarga, Roslan terpaksa menanggung perbelanjaan bil-bil perubatan ayah mertuanya. Hari berganti hari dan bulan berganti bulan. Perbelanjaan perubatan penyakit anak Roslan dan bapa mertua semakin meningkat. Hingga pada satu ketika, bayaran ansuran bulanan pinjaman rumahnya tertunggak selama tiga bulan.

Pada suatu hari, Roslan menerima surat amaran daripada bank yang menyatakan dia akan dikenakan tindakan undang-undang jika gagal membayar ansuran pinjaman rumahnya pada masa yang ditetapkan. Sedar akan masalah yang bakal dihadapi, Roslan pergi ke bank tersebut dan berbincang dengan pegawai terbabit akan masalah yang dihadapi olehnya.



"Di sini bermulalah kesilapan Roslan dalam menguruskan kewangan apabila menangguhkan pembayaran ansuran bulanan pinjaman rumahnya ..."

"Kaunselor telah membuat jadual penstrukturan semula pembayaran bulanan pinjaman Roslan kepada bank yang telah dipersetujui."



Pegawai tersebut mencadangkan Roslan mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Roslan terus datang ke pejabat AKPK dan berjumpa dengan kaunselor AKPK. Kaunselor telah membuat jadual penstrukturan semula pembayaran bulanan pinjaman Roslan kepada bank yang telah dipersetujui. Dengan ini, Roslan mampu untuk membayar balik pinjaman daripada pihak institusi kewangan dan juga menanggung perbelanjaan keluarganya.

Amalkan Pengurusan Kewangan Berhemat Sebagai Budaya Hidup

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Melindungi Dana Skim Persaraan Swasta (PRS) Anda
(Bahagian 1)

Satu daripada soalan lazim yang kami terima daripada orang ramai ialah, “Adakah pelaburan PRS ini selamat?” Ini adalah soalan yang perlu dijawab kerana ia membabitkan langkah bagi memastikan dana persaraan akan memenuhi penggantian pendapatan apabila seseorang bersara. PRS direka bentuk untuk memastikan keyakinan dan kebimbangan orang ramai terhadap perlindungan dana persaraan berjangka panjang mereka ditangani secara teratur dan secukupnya.

Industri PRS dilancarkan dengan rangka kerja perundangan dan statutori yang menyeluruh dan kukuh untuk berkembang dan melindungi kepentingan ahli dalam Skim PRS. Oleh itu, PRS yang berperanan sebagai tonggak keselamatan sosial ketiga untuk menyediakan dana persaraan tambahan perlu melahirkan keyakinan kepada orang ramai bahawa skim tersebut ditadbir urus dalam perundangan yang kuat, diselia dan dibangunkan dengan baik dari semasa ke semasa.

Struktur tadbir urus risiko pelbagai tahap telah dilaksanakan bagi memastikan perlindungan yang mencukupi dan sewajarnya terhadap kepentingan ahli dengan pembahagian peranan dan tanggungjawab yang rapi serta teratur untuk semua pihak utama yang terlibat.

Pertama, semua pihak utama yang terlibat perlu berlesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), iaitu di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). SC memberi kelulusan kepada Penyedia PRS, pengedar, pemegang amanah dan Pentadbir Pencen Swasta (PPA) untuk beroperasi dalam industri PRS. Hanya pihak berlesen tersebut diluluskan untuk turut serta dalam PRS.

Kedua, PPA ditubuhkan sebagai satu-satunya pentadbir pusat bagi menyediakan pentadbiran akaun sepanjang hayat yang cekap, memberi perkhidmatan semasa kepada ahli-ahli, maklumat, dan pendidikan kepada ahli PRS. PPA, unik hanya di Malaysia adalah pertubuhan bebas yang berkhidmat dan melindungi kepentingan ahli PRS.



Ketiga, terdapat hanya 8 Penyedia PRS berlesen diluluskan oleh SC berdasarkan garis panduan yang ketat untuk beroperasi sebagai Penyedia bagi Skim PRS. Penyedia-penyedia ini dipilih berasaskan keupayaan pengurusan pelaburan, pengalaman dan rekod prestasi mereka dalam menguruskan dana awam. Tugas dan tanggungjawab utama Penyedia PRS merangkumi pemasaran, pentadbiran dan pengurusan pelaburan dana-dana PRS. Malahan, Penyedia juga dikehendaki menyediakan struktur pematuhan dan pengurusan risiko mereka bagi memastikan mereka mematuhi semua standard dan garis panduan peraturan.

Keempat, Garis Panduan itu menetapkan satu Pemegang Amanah Skim bebas dilantik bagi memantau pengurusan dan operasi Skim, seiring dengan dokumen ikatan amanah dan penzahiran. Selain itu, pemegang amanah berperanan sebagai 'penjaga' wang yang dilaburkan dalam Dana PRS yang memberikan pengasingan teratur antara penjagaan dan pengurusan Penyedia Dana PRS.

Yang terakhir, SC bertanggungjawab mengawal selia semua pihak terlibat dengan menguatkuasakan peraturan dan pematuhan kepada Garis Panduan PRS, yang menetapkan keperluan teratur dan tingkah laku bagi melindungi kepentingan ahli-ahli Skim PRS.

Rangka kerja peraturan tersebut membentuk asas bagi memberikan keyakinan kepada orang ramai dan melindungi dana PRS. Namun, terdapat aspek perlindungan lain yang bersama dengan rangka kerja peraturan berperanan menjadikan PRS seberapa selamat yang boleh untuk penyimpanan dan pelaburan persaraan berjangka panjang.

Dalam artikel akan datang, kami akan berkongsi mengenai cara-cara pengurusan risiko dana PRS daripada perspektif pelaburan dan bagaimana risiko itu boleh ditangani, dan pada masa yang sama, mencari peluang-peluang pulangan kewangan.

Dato' Steve Ong adalah CEO Pentadbir Pencen Swasta (PPA), pentadbir pusat Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA diberi peranan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan industri PRS, mewujudkan kesedaran umum dan mendidik orang ramai mengenai penyimpanan persaraan. PPA juga berperanan melindungi kepentingan penyumbang PRS.

PPA mengalu-alukan soalan berkaitan perancangan persaraan. Sila hantar soalan anda kepada askppa@ppa.my





Pusat Pelangsingan Badan

Isu berkaitan pusat kecantikan termasuklah pusat pelangsingan badan bukanlah benda baru. Ramai orang, terutamanya kaum wanita, akan mengunjungi pusat kecantikan untuk kelihatan lebih cantik, manakala ke pusat pelangsingan pula untuk melangsingkan bentuk badan. Pada pandangan mereka, mungkin ini merupakan cara yang paling mudah dan cepat untuk nampak menarik dan cantik.

Tidak dapat dinafikan bahawa wanita pada zaman sekarang agak prihatin terhadap kecantikan wajah dan tubuh badan yang ramping. Oleh itu, mereka sanggup membelanjakan wang yang banyak kepada syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan untuk mendapat wajah yang menawan serta bentuk badan yang diimpikan.

Perniagaan seperti ini sememangnya telah lama bertapak. Terdapat banyak pilihan bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan perniagaan ini. Persoalannya ialah sama ada perniagaan ini berlesen dan adakah ia selamat untuk digunakan.

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) sering menerima aduan mengenai pusat pelangsingan badan. Kebanyakan pengguna yang terlibat tidak tahu tentang risiko yang dihadapi apabila melanggani pusat pelangsingan. Mereka sanggup menghabiskan wang sehingga beribu-ribu ringgit setiap bulan untuk membayar setiap sesi dianjurkan oleh pusat pelangsingan badan semata-mata untuk menurunkan berat badan dengan segera.

Ada antara pengadu juga menyatakan mereka terpengaruh dengan iklan-iklan dan testimoni yang dipaparkan seperti contoh:

- menurunkan berat badan dalam masa 10 hari
- dijamin kurus
- membeli satu pakej pelansingan dapat percuma lagi satu pakej



Pengadu turut mendakwa bahawa sesi pelangsingan yang dijalani tidak berkesan. Malah, ada antara pengadu mengalami kesan sampingan dan alahan dengan ubat yang digunakan semasa terapi tersebut.

Oleh sebab itu, pengadu terpaksa mendapatkan rawatan di hospital dan terpaksa pula membayar wang yang banyak untuk mengubati diri mereka kerana pusat pelangsingan badan tersebut tidak mahu mengambil sebarang tanggungjawab terhadap apa yang telah berlaku.

Lebih malang lagi, apabila ada pusat pelangsingan tersebut ditutup dan tidak dapat dihubungi selepas kejadian tersebut berlaku. Oleh sebab itu, pengguna disarankan untuk meneliti latar belakang pusat pelangsingan terlebih dahulu sebelum melanggan sebarang pakej pelangsing bagi menurunkan berat badan.



Nasihat untuk anda

1. Pastikan pusat pelangsingan tersebut berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Jangan mudah terpedaya dengan iklan-iklan yang dipamerkan di kaca televisyen.
3. Pastikan anda menyelidik latar belakang pusat pelangsingan tersebut sebelum menandatangani sebarang kontrak.
4. Pastikan pusat tersebut berlesen dan dijalankan oleh profesional.
5. Memupuk tabiat kesihatan yang baik seperti makan makanan yang sihat dan melakukan senaman untuk gaya hidup yang sihat.
6. Meminta nasihat doktor sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan.



7. Membuat laporan dengan segera kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan atau memfailkan aduan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Masyarakat disarankan supaya menjadi pengguna yang bijak dan mengamalkan perbelanjaan yang berhemat. Terdapat banyak cara untuk menurunkan berat badan selain daripada pergi ke pusat pelangsingan badan, iaitu melakukan senaman seperti berjoging dan mengelak makanan yang berlemak dan kolestrol yang tinggi.

Dengan itu, pengguna boleh menjimatkan wang dan dapat melihat perubahan berat badan sepertimana yang diimpikan.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada
ringgit@crrc.org.my
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda, Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor



Termakan Pujuk Rayu Peniaga Jualan Langsung

"Sebagai pengguna, anda haruslah menilai dan membuat pertimbangan yang bijak ..."

Apakah hak pengguna sekiranya didatangi peniaga jualan langsung yang meminta pengguna membeli barangan dengan pelbagai pujuk rayu sehingga pengguna terpaksa membeli? Adakah akta atau undang-undang bagi jualan langsung yang perlu dipatuhi?

Pengguna dari Selayang.

Jawapan:

Menjadi kelaziman bagi peniaga atau wakil jualan langsung menggunakan pelbagai pujuk rayu untuk mempengaruhi pengguna membeli barangan mereka. Namun begitu, tidak boleh ada unsur paksaan.

Perniagaan jualan langsung tertakluk di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993. Beberapa peraturan perlu dipatuhi oleh wakil jualan langsung di bawah akta ini, iaitu:-

a) Semua kontrak jualan langsung antara penjual dan pembeli bernilai RM300 dan lebih mesti dibuat secara bertulis, ditandatangani kedua-dua pihak dan mempunyai kenyataan bahawa kontrak tertakluk kepada tempoh bertenang selama 10 hari bekerja.


b) Wakil jualan langsung hanya boleh bertandang pada hari dan masa tertentu dari jam 9.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari bekerja.

c) Wakil jualan langsung perlu menunjukkan kad kebenaran. Kad itu dikeluarkan oleh syarikat jualan langsung yang mengandungi nama dan alamat pemegang kad; nama, alamat dan nombor telefon syarikat yang mengeluarkan kad berkenaan, nombor lesen jualan langsung yang sah dan gambar pemegang kad.

d) Jika pengguna membeli barangan melalui pesanan pos, dia berhak membuat pemeriksaan ke atas barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat bagi memastikan barangan atau perkhidmatan berkenaan sama seperti yang diiklankan.

Sebagai pengguna, anda haruslah menilai dan membuat pertimbangan yang bijak sebelum menandatangani mana-mana kontrak atau menerima mana-mana tawaran yang kelihatan menarik tetapi ia sekadar 'indah khabar dari rupa'.

Bijak Rebut Peluang



Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kad kredit anda telah dipalsukan...

Seseorang telah mencuri identiti anda...

Akaun anda telah disalah guna...

Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa PENIPUAN.

Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu PENIPUAN. Jangan panik. Fikir dahulu.

1. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda
2. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga
3. Bank Negara Malaysia **tidak menyimpan** wang orang ramai dalam mana-mana akaun

Jika ada keraguan, sila hubungi

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Amaran Penipuan Kewangan** yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia

www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480)
atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia:
Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching
(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)